

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

08 FEB 2017

RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	HILANG LARA DI JIWA	2
HARIAN METRO	DAH SEMINGGU TUMBANG	3
SINAR HARIAN	BANJIR KILAT KRITIKAL LANDA PASIR GUDANG	4
SINAR HARIAN	MASIH TUNGGU LAPORAN LENGKAP	5
UTUSAN MALAYSIA	RANCANG WUJUDKAN PRIVATE WING DI HSA 2	6
UTUSAN MALAYSIA	PERLU TEGAS BANTERAS 'TANGAN GHAIB'	7



HARIAN METRO



SAPERI (tiga dari kiri) menerima kunjungan Pertubuhan Ihsan Johor di rumahnya di Kampung Baru, Masai, semalam.

Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru 8/2/17

A lhendaklli-lah...tidak sampai 48 jam selepas kami hilang tempat tinggal, ada pihak menghubungi dan menyatakan hasrat mengangkat rumah yang rosak dihempap pokok mangga, kelmarin," kata penjaga stor kilang, Saperi Elaz, 33, semalam.

Saperi berkata, dia bersyukur kisah keluarganya kehilangan tempat tinggal dalam kejadian ribut di Kampung Baru, Masai mendapat perhatian Pertubuhan Ihsan Johor, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ditubuhkan UMNO Johor.

Menurutnya, dia difahamkan kerja pembinaan rumahnya dijalankan mulai 24

■ Mangsa ribut lega Pertubuhan Ihsan Johor bantu bina rumah baru

hingga 26 Februari ini di tapak sama di tanah milik keluarganya.

"Kami bantu selepas rumah rosak dalam kejadian Ahad lalu kerana tiada simpanan wang, selain tidak mampu membayai kos baik pulih rumah."

"Saya hanya mampu berdoa kepada Allah supaya kami sekeluarga dapat terus berada di sini dan tidak sangka dalam temposoh dua hari kejadian berlaku, pelbagai pihak tampil membantu. Saya terharu dan bersyukur dengan bantuan ini sekali gus membolehkan keluarga saya merusur kehidupan dengan

selesa," katanya yang menerima kunjungan Pengurusan Biro Kebajikan Pemuda UMNO Pasir Gudang, Mohd Khairul Azlan Sulong, semalam.

Hadir sama, Ketua Kampong Semibong Abdul Manan Omar dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Permas Jaya 4 merangkap wakil Pejabat Umno Parliment Pasir Gudang, Mas Ayu Sapahat.

Khairul Azlan berkata, pembinaan rumah baru untuk keluarga berkenaan membutkan peruntukan RM50,000 dilengkapi tiga bilik tidur, tandas dan bi-


lik mandi.

Kelman, akhbar ini mendedahkan kisah lima beranak kehilangan tempat tinggal selepas kediaman keluarga rosak akibat ribut. Dalam kejadian jam 4 petang kelmarin, tiga anak penjaga stor kilang menonton televisyen di ruang tamu manakala isterinya memasak di dapur.

Saperi yang berada di hadapan rumah terdengar buniyi kuat dan cemas apabila melihat dahan pokok mangga bersebelahan rumah patah dan tumbang atas bumbung. Kejadian itu mengakibatkan keluarga berkenaan menanggung rugi lebih RM10,000.

Dengan pendapatan bulanan RM1,400, dia tidak mampu menanggung kos bilik tidur, tandas dan bi-

FAKTA
Pembinaan rumah baru babit peruntukan RM50,000



HARIAN METRO



POKOK tumbang menghalang sebahagian jalan Bukit 1, Kawasan Perindustrian Miel Seri Alam.

Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Pasir Gudang 4M
8/2/2017

Pokok tumbang yang menghalang sebahagian jalan Bukit 1, Kawasan Perindustrian Miel Seri Alam, di sini, mengundang resah kepada pengguna jalan raya terutama pekerja di kawasan perindustrian itu.

Pekerja kilang, Qasih Mohammad, 35, berkata, pokok itu tumbang lebih seminggu, tetapi malangnya tiada tindakan diambil pihak berkuasa.

"Mungkin orang anggap ia perkara kecil, tetapi jika tidak diambil tindakan ia mengakibatkan berlaku kemalangan. Pokok tumbang itu

Dah seminggu tumbang...

■ Pengguna jalan raya resah pokok halang laluan ancam keselamatan

menghalang sebahagian jalan dua hala dan juga menghalang pandangan pemandu.

"Memang tiada kesesakan, tetapi apabila lorit besar menghantarkan barang ke kilang melalui jalan itu pada waktu


di kawasan itu, ia berdepan kesukaran jika berselisih kenderaan lain", katanya.

Pengguna jalan raya, Hong Ah Mei, 28, berkata, keadaan itu mengundang risiko kepada pengguna yang melalui jalan itu pada waktu

malam kerana gelap. "Diharap perkara itu dapat ditangani segera sebelum ada menjadi mangsa", katanya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Landskap Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Zanariah Kadir ketika dihubungi berkata, pihaknya akan mengambil tindakan pembersihan pokok terbabit hari ini.

FAKTA
Tiada tindakan diambil pihak berkaitan



SINAR HARIAN

SHT 8/2/17

Banjir kilat kritikal landa Pasir Gudang

PASIR GUDANG - Hujan lebat sejak jam 3.30 petang semalam telah menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Pasir Gudang dilanda banjir kilat.

Banjir kilat disifatkan paling kritis kali itu seperti yang tular di media sosial membabitkan Lebuh Raya Pasir Gudang dari kedua-dua hala berhampiran Taman Rinting dan Bandar Seri Alam.

Keadaan itu telah menyebabkan deretan kendaraan terperangkap dalam banjir kilat berkenaan apabila hujan tidak berhenti sejak lebih tiga jam lalu.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendant Jokhiri Abd Aziz berkata, banjir kilat terlibat di Kilometer 34 Lebuh Raya Pasir Gudang ber-

hampiran Bandar Seri Alam dan Taman Rinting.


Menurutnya, lebuh raya kedua-dua hala itu tidak boleh dilalui oleh kenderaan ringan sehingga jam 7 malam semalam.

"Kita menasihatkan pengguna lebuh raya berkenaan agar mencari jalan alternatif lain atau tidak melalui laluan berkenaan kerana sehingga kini belum boleh dilalui oleh kenderaan ringan," katanya.

Manakala sumber daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat pula berkata, seramai 10 anggota beserta dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang terlibat membuat pemantauan di Kampung Sungai Rinting dan Kampung Pasir Putih.



Beberapa kendaraan terperangkap akibat banjir kilat yang berlaku petang semalam.



SINAR HARIAN

Masih tunggu laporan lengkap

Sif 8/2/2017

AZIZAN INCHE HARUN

PASIR GUDANG - Kerajaan negeri masih menunggu keputusan laporan lengkap Suruhanjaya Siasatan Bebas berhubung insiden kebakaran wad unit rawatan rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) pada 1 Oktobre tahun lalu untuk menjalankan kerja-

putusan laporan lengkap daripada suruhanjaya yang dilantik pihak kementerian untuk melaksanakan kerja-kerja pembalaikan bagi membolehkan wad ICU itu beroperasi semula.

"Kita juga masih menunggu peruntukan untuk menjalankan kerja-kerja pembalaikan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Combi Pasir Gudang,

di sini, semalam.

Ayub berkata, sebanyak tiga kematian dilaporkan akibat demgi sehingga minggu kelima pada tahun ini, berbanding dua dalam tempoh sama pada tahun lepas.

"Kita terpaksa tunggu ke-

**HSA /
TERBAKAR**

Sebelum kerja-kerja baiki wad terlibat kebakaran boleh dimulakan

kes demang yang dicatatkan sehingga 4 Februari lalu di negeri ini menunjukkan penurunan kepada 1,981 berbanding 2,617 dalam tempoh sama pada 2016.


"Tiga kematian yang dilaporkan membabitkan dua wanita dan seorang lelaki berumur lingkungan 44 hingga 67 tahun di Kluang, Segamat dan Johor Bahru.

"Kita bimbang, musim hujan sekarang akan menyebabkan kenaikan kes dengan akibat takungan air yang boleh menjadi sarang pembiotakan aedes."

"Kita menyayuri masyarakat berwaspada memastikan persekitaran bersih agar kes dengan dapat dikawal dari peringkat awal," katanya.



Ayub (dua, kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada Ikon Combi Pasir Gudang sempena Seminar Combi Pasir Gudang, semalam.



UTUSAN MALAYSIA



AYUB RAHMAT (dua dari kiri) menyampaikan sijil perhargaan kepada wakil Combi sambil diperhatikan Hasrin Kamal Hashim (kiri) dalam Seminar Combi Pasir Gudang 2017 di Dewan Taman Mawar Pasir Gudang, Johor, semalam.

Rancang wujudkan private wing di HSA 2

PASIR GUDANG 7 Feb. - Kerajaan negeri merancang mewujudkan sebuah *private wing* dalam pembangunan Hospital Sultanah Aminah (HSA) 2 yang dicadangkan dibina di Tampoi, dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, *private wing* itu merupakan salah satu perkhidmatan perubatan kerajaan yang menyerupai perkhidmatan ditawarkan pihak swasta dengan kos yang bersesuaian.

"Ini juga satu langkah bagi memastikan doktor pakar yang dilahirkan kerajaan kekal berkhidmat dengan kerajaan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi) Pasir Gudang di Dewan Serbaguna Taman Mawar, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin Kamal Hashim; Pegawai Kesihatan Daeerah Johor Bahru, Dr. Badrul Hisham Abdul Samad dan Pengerusi Combi negeri, Isa Paksun.

Dalam pada itu, Ayub turut memberitahu, kerajaan nege-

ri masih menunggu laporan lengkap daripada suruhanjaya siasatan bebas berkaitan kebakaran yang berlaku di HSA, Oktober tahun lalu sebelum kerja-kerja membaik pulih dapat dijalankan.


Beliau berkata, laporan itu penting bagi membolehkan wad Unit Rawatan Rapi (ICU) yang musnah dalam kebakaran itu beroperasi seperti sediakala.

Menurutnya, jumlah pertuntuan bagi membaik pulih kererosakan itu juga bergantung kepada laporan yang disediakan pihak dilantik oleh Kementerian Kesihatan.

"Kerja membaik pulih jabatan ICU yang musnah itu penting bagi memastikan operasi hospital dapat diteruskan seperti sebelumnya.

"Kami berharap kerja membaik pulih dapat dilaksanakan segera untuk memudahkan perkhidmatan kesihatan yang sewajarnya disalurkan kepada individu memerlukan," katanya.

Dalam kejadian 25 Oktober tahun lalu, seramai enam pesakit maut dalam kebakaran yang berlaku di tingkat dua ICU hospital tersebut.



UTUSAN MALAYSIA

Perlu tegas banteras 'tangan ghaib'

UM 8/2/2017

KUALA LUMPUR 7 Feb. - Kerajaan disarankan membentuk undang-undang baharu yang lebih tegas bagi menangani 'tangan ghaib' atau pihak yang sering melindungi kegiatan judi haram di negara ini.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), **Datuk Aziz Muda** berkata, undang-undang sedia ada dilihat masih belum mampu membantu anggota penguatan kuasa untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati melindungi aktiviti haram tersebut.

"Putus-putus judi haram ini sudah pasti ada pihak yang melindungi kerana terdapat kes yang mana ada anggota penguatan kuasa telah disekat atau diarahkan pulang daripada melakukan serbuhan terhadap pusat judi haram ini."

"Justeru, kita minta kerajaan merangka undang-undang lebih komprehensif bagi memastikan aktiviti haram seperti ini tidak terus tumbuh, bukan sahaja melibatkan pusat judi haram tetapi juga aktiviti haram lain yang seolah-olah tiada kawalan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kelmanir, Presiden Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Datuk Azwandin Hamzah berkata, isu premis judi haram di Selangor semakin membimbangkan apabila kajian-pihaknya mendapati terdapat peningkatan sebanyak 60 peratus jumlahnya dalam tempoh dua tahun di kawasan perumahan orang Melayu.



Azwandin berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga sepatutnya menghentikan pengeluaran lesen pusat hiburan keluarga kerana kebanyakan yang memohon untuk membuka permintaan tersebut tidak jujur apabila turut menjadikan premis mereka sebagai pusat judi haram.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia, **Muamar Ghadafi Jamal Jamaludin** menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya menyiasat individu serta pihak yang didakwa menerima imbuhan daripada kegiatan judi haram di Selangor.

Beliau menjelaskan, SPRM perlu bertindak tegas selepas kegagalan PBT mengambil langkah proaktif dalam menangani isu berkenaan.

"Perkara ini merupakan satu masalah yang serius dan sepatutnya SPRM menyiasat pusat judi haram serta pihak-pihak tertentu yang didakwa mengambil imbuhan daripada kegiatan itu," ujarnya.

Dalam pada itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), **Zamri Mohd. Isa** memberitahu, PBT di Selangor perlu mengambil tindakan tegas terhadap pemilik-pemilik lesen hiburan keluarga yang didapati menyalahgunakan lesen tersebut dengan menawarkan aktiviti judi haram.

Beliau menambah, pihaknya mendapati PBT di negeri itu kurang melakukan serbuhan terhadap premis-premis sedemikian.

